

PM anggap Pas seperti pencuri ayam

BH 26 JUL 2002

JOHOR BAHRU, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan berusaha mencari kaedah untuk mencegah aliran keganasan dalam kempen pilihan raya seperti digunakan Pas dalam pilihan raya kecil Parlimen Padang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata, ini kerana kerajaan bimbang akan menghadapi kesukaran untuk menghentikan keganasan dalam pilihan raya jika aliran itu tidak dibendung dari awal.

"Secara serius, kita bimbang dengan aliran ke arah keganasan ini. Kalau sekali sudah terjadi keganasan, sukar bagi kita untuk menghentikannya. Kita perlu bertindak lebih awal.

"Kata doktor, lebih baik mengelak daripada dapat penyakit daripada kita cuba mengubati penyakit. Kita akan cari cara-cara untuk mengelak daripada perkembangan cara kasar ini," katanya ketika merasmikan Konvensyen Barisan Nasional (BN) Johor 2002 di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Bahru di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi BN Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Presiden MIC,

Datuk Seri S Samy Vellu dan pemimpin parti komponen BN negeri dan Pusat.

Perdana Menteri berkata, aliran ke arah keganasan yang diperkenalkan Pas pada pilihan raya kecil di Kedah itu disebabkan rasa kecewa kerana tidak mempunyai harapan untuk menang.

"Mereka bermain dengan api, satu hari nanti api ini akan bakar mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau memahami tujuan Pas bertindak demikian supaya kerajaan mengambil tindakan terhadap mereka dan dengan itu dunia akan mengatakan negara ini tidak demokratik kerana tidak memberi peluang kepada parti pembangkang bertanding dalam pilihan raya.

Beliau berkata, parti pembangkang menggunakan kekasaran kerana mereka tidak ada harapan untuk menang dalam pilihan raya disebabkan hujah dan rancangan mereka tidak diterima rakyat.

Menurutnya, pada pilihan raya kecil itu, Pas menggunakan taktik kotor termasuk menipu dengan membawa pengundi hantu selepas memindahkan pengundi dari kawasan lain ke DUN Anak Bukit.

Katanya, Pas memindahkan kira-kira 2,000 pengundi dari kawasan Parlimen Kubang Pasu ke DUN Anak Bukit untuk memenangi pilihan raya kecil berkenaan.

"Kita tak dapat kesan di mana datangnya orang ini. Nama ada, alamat ada, (tetapi) cari tak jumpa, inilah hantu...yang diadakan oleh parti Pas," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menyamakan Pas seperti pencuri ayam apabila parti pembangkang itu menuduh BN membawa pengundi hantu sedangkan sebenarnya mereka sendiri yang melakukan perbuatan itu.